



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

100 HARI PENCAPAIAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SHAH ALAM, 1 Mac 2023 – Telah berlangsung pada hari ini program Bual Bicara 100 Hari Pencapaian Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Selangor. Program ini turut dipancarkan secara siaran langsung menerusi laman Youtube Rasmi POLYCCOfficial dengan jumlah tontonan lebih 7000 penonton dicatatkan.

Program yang berkonsepkan bual bicara dan santai ini merupakan platform untuk Dr. Haji Mohd Zahari berkongsi pencapaian dan aspirasi sepanjang tempoh 100 hari beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah bagi menerajui kepimpinan di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) ini.

Bagi memastikan kecemerlangan para graduan TVET POLYCC ini menyumbang kepada pembinaan masyarakat MADANI, empat (4) iltizam telah digarap oleh beliau iaitu; Kesepadanan Pekerjaan dan Kebolehpasaran Graduan POLYCC; Perkembangan Kerjaya Graduan POLYCC sebagai '*Job Creator*'; POLYCC Global; dan Pembangunan Pelajar Holistik. Kejayaan para graduan POLYCC ini bukan hanya diperingkat kebangsaan, malah telah meluas ke peringkat antarabangsa dengan pelbagai penglibatan dan kemenangan dalam pertandingan yang telah disertai para pelajar POLYCC.

Governan yang kukuh dan stabil mampu mengorak langkah jangkaan dalam segenap aspek sebagai persediaan POLYCC bertaraf global. Dengan itu, beliau telah menyusun lima (5) langkah radikal dalam mencapai kemampanan pengukuhan governan yang responsif dan memberi penekanan antaranya adalah Memposisi POLYCC; Horizon

Budaya Kerja Baharu; Memacu Kecemerlangan POLYCC; Mengarus Perdana Pendigitalan; dan Menaik taraf infrastruktur. Transformasi TVET 2.0 dengan 13 Agenda merupakan salah satu usaha memperkasakan POLYCC dan ianya penting supaya POLYCC kekal relevan dan semua inisiatif yang dirancang selari dengan aspirasi kementerian dan negara.

Tidak melupakan para pensyarah ataupun pendidik di POLYCC, lima (5) prakarsa dalam memantapkan barisan kepimpinan yang berwibawa adalah komitmen utama beliau untuk memastikan POLYCC bergerak tuntas. Kelestarian bakat warga DH ini harus mencapai tahap global melalui Model Pelan Penggantian Pengurusan PPPT; Menyantuni Kebajikan Warga PPPT; Pengukuhan Organisasi; Sistem Penilaian MyDH PROFILE 360; dan Garis Panduan Jawatankuasa Teknikal Pertukaran dan Penempatan PPPT 2.0. Untuk makluman, Sistem Penilaian MyDH PROFILE 360 yang diperkenalkan pada Januari 2023 ini merupakan persiapan rapi dalam memilih pemimpin yang layak untuk menerajui pengurusan di peringkat jabatan mahupun institusi.

Pemantapan program pengajian juga dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan program TVET POLYCC terus kekal relevan dan memenuhi kehendak profesion. Enam (6) inisiatif dan langkah-langkah proaktif dalam penambahbaikan pelbagai aspek termasuk program atau aktiviti kerjasama silang yang melibatkan penyedia TVET lain dan pemegang taruh yang memberi manfaat kepada pelajar adalah Pengakreditasi semula Program Diploma Kejuruteraan; Artikulasi Program Pengajian Bersama MTUN; Pakar Rujuk Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM); Penanda aras ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS); Keberkesanan Penyampaian Program POLYCC Bersama Pemegang Taruh; dan Program rintis pengiktirafan professional melalui Persijilan Profesional Association of Accounting Technician (AAT), United Kingdom.

Dalam bual bicara ini juga, beliau turut menyentuh peluang bagi meluaskan kolaborasi dengan warga industri. Antara empat (4) usaha yang telah dizahirkan adalah melalui Industry On Campus (IOC); Penarafan Berteraskan Industry On Campus (IOC) POLYCC Edisi 2023; Graduan POLYCC Kalis Masa Hadapan; dan Kolaborasi Berimpak Tinggi.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti turut memahirkan masyarakat dan komuniti melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang direncanakan dengan

penuh komitmen. Pelbagai aspek telah diteliti supaya PSH POLYCC kekal relevan dan kontemporari melalui Kemakmuran Ekosistem PSH; Islah Kualiti Hidup Komuniti; dan Memartabat Tahfiz TVET.

Dengan memegang falsafah baharu yang sering Dr. Haji Mohd Zahari suarakan iaitu 'Graduan Kualiti Amanah Kami, Pensyarah Kompeten 'Izzah Kami, POLYCC Wadah Kami, Memacu Destinasi Malaysia MADANI', beliau juga berharap agar warga POLYCC sentiasa mengamalkan juga prinsip 3K yang diuar-uarkan dalam Malaysia MADANI itu sendiri iaitu kebajikan, keharmonian dan keberkatan.

Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti pada 16 November 2022 bersamaan 21 Rabiulakhir 1444H dan telah genap 100 hari pada 23 Februari 2023.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**